Utusan Borneo: 18 November 2026

Warga emas cuba liwat cucu sendiri dipenjara dan disebat

SIBU: Seorang warga emas dijatuhi hukuman penjara 15 tahun berserta empat sebatan oleh Mahkamah Sesyen Sibu, semalam setelah disabitkan bersalah cuba meliwat cucunya sendiri.

Hakim Musyiri Peet mengarahkan tertuduh, 61, untuk mulai menjalani hukuman tersebut setelah tamat menjalani hukuman penjara 15 tahun yang dijatuhi oleh mahkamah sebelum ini atas pensabitan merogol mangsa yang sama.

Mahkamah turut mengarahkan tertuduh menjalani khidmat kaunseling ketika menjalani hukuman penjara, selain berada di bawah pengawasan pihak polis selama dua tahun setelah dibebaskan.

"Mahkamah mengambil kira pengakuan bersalah yang dibuat oleh tertuduh.

"Pengakuan tersebut telah menjimatkan masa prosiding mahkamah dan yang lebih penting, mengelakkan mangsa yang masih muda daripada mengalami tekanan emosi serta trauma akibat terpaksa memberi keterangan di mahkamah dan menceritakan semula kejadian berkenaan sepanjang perbicaraan penuh.

"Oleh itu, pengurangan hukuman yang sewajarnya perlu diberikan kepada tertuduh atas pengakuan bersalahnya.

"Walau bagaimanapun, terdapat beberapa keadaan yang memberatkan dalam kes ini.

"Mangsa baru berusia 13 tahun ketika kejadian berlaku.

"Beliau merupakan seorang kanak-kanak yang berhak mendapat perlindungan, penjagaan dan keselamatan daripada golongan dewasa dalam keluarganya," ujar Musyiri ketika membacakan hujahan sebelum menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh.

Beliau turut memberitahu, tertuduh bukanlah orang asing atau individu yang tiada pertalian keluarga dengan mangsa, sebaliknya tertuduh ialah datuk kandung mangsa.

Justeru katanya, tertuduh mempunyai kedudukan yang berasaskan kepercayaan serta tanggungjawab untuk melindungi mangsa.

"Mahkamah turut mengambil kira bahawa tertuduh telah pun disabitkan dan dijatuhi hukuman penjara selama 15 tahun serta empat sebatan bagi pertuduhan pertama yang melibatkan mangsa yang sama," ujarnya.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa cuba meliwat cucunya itu di sebuah rumah kebun di Jalan Sebaning, Kapit pada 20 Julai 2026, jam lebih kurang 6.30 pagi.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan dihukum di bawah Seksyen 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16(1) akta yang sama.

Berdasarkan fakta kes, pengadu yang juga ayah mangsa melaporkan pada 20 Julai 2026, jam 7 pagi di simpang Jalan Sebaning, Bukit Goram, Kapit, telah menemui mangsa sedang menangis.

Pengadu dimaklumkan oleh mangsa bahawa dia telah diganggu secara seksual oleh tertuduh, sebelum pengadu membawa mangsa ke Hospital Kapit untuk pemeriksaan.

Pada hari sama jam lebih kurang 8.15 malam, pihak polis telah menahan tertuduh di rumah kebun tidak bernombor di Jalan Antaroh.

Dalam rayuan, tertuduh yang tidak diwakili peguam bela merayu agar dikenakan hukuman yang ringan, selain memohon agar hukuman penjara tersebut berjalan serentak dengan hukuman penjara 15 tahun yang dijatuhkan terhadapnya sebelum ini.

Tertuduh turut memberitahu dia kini berumur 61 tahun dan tidak lagi bekerja.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Chrissie Ngiron Mijun.